

## **PEMBANGUNAN NEGARA MELALUI PENDIDIKAN KEMAHIRAN INSANIAH**

**Nor Hayati Fatmi Binti Talib  
Bani Hidayat Bin Mohd Shafie  
Mohd Huzairi Bin Awang @ Husain  
Hajarul Bahti Binti Zakaria  
Nabiroh Binti Kassim  
Dr. Jamil Bin Ahmad**

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Kemahiran Insaniah (soft skills) etika dan moral professional melibatkan kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan professional dan interaksi sosial. Membolehkan pelajar memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan professional, membolehkan pelajar menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika serta boleh mengamalkan sikap beretika dan mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. Kertas kerja ini akan menyentuh mengenai pengenalan modul Pembangunan Kemahiran Insaniah, domain etika, moral dan akhlak berserta komponen-komponennya, pemantapan kemahiran insaniah melalui akidah yang betul dan Rasulullah sebagai model terbaik modal insan

**Kata kunci:** kemahiran insaniah

### **Pendahuluan**

Dalam menghadapi cabaran abad ke-21, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan dalam usaha keras menjadi sebuah negara maju, berdaya saing dan teguh menjelang 2020, telah mengatur perancangan yang strategik bagi merealisasikannya. Seluruh rakyat digesa supaya menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan, berfikiran inovatif dan kreatif, berdaya saing serta memupuk nilai-nilai murni, mempunyai penampilan progresif dan berbudaya prestasi tinggi. Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan juga telah menetapkan pembangunan modal insan minda kelas pertama sebagai salah satu daripada 5 teras pembangunan negara.

Kejayaan agenda pembangunan modal insan amat bergantung kepada mutu sistem pendidikan negara. Oleh itu, usaha untuk mentransformasikan sistem pendidikan negara pada semua peringkat dari pra-sekolah hingga ke pengajian tinggi sedang giat dilaksanakan di Malaysia. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah menterjemahkan hasrat ini menjadi pelan tindakan yang mesti dilaksanakan di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu : (i) Meluaskan akses dan meningkatkan kualiti; (ii) Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran; (iii) Memperteguh kan penyelidikan dan inovasi; (iv) Memperkasakan institusi pengajian tinggi; (v) Mempergiatkan pengantarabangsaan;

(vi) Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat; dan (vii) Mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pengajian Tinggi. Pelan ini akan digunakan sehingga tahun 2020 bagi menjayakan transformasi pengajian tinggi sekali gus bagi melahirkan modal insan yang berkualiti (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2004).

Begitu juga dalam Wawasan 2020, Malaysia merancang untuk menjadi negara maju menjelang 2020 di bawah dasar Wawasan 2020. Wawasan ini bukanlah merupakan satu dasar khas negara tetapi ia merupakan rangka strategik tindak balas futuristik kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berkembang pesat di peringkat serantau dan antarabangsa yang memerlukan negara menanganinya dengan sembilan cabaran iaitu : (1) Mewujudkan negara Malaysia yang bersatu yang mempunyai matlamat yang serupa dan dikongsi bersama; (2) Mewujudkan masyarakat yang berjiwa besar, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang dicapai serta gagah menghadapi segala masalah; (3) Mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada negara membangun; (4) Mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika; (5) Mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur dengan meletakkan kesetiaan kepada satu negara; (6) Mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif berdaya perubahan tinggi dan memandang ke depan; (7) Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi; (8) Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi, pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama; dan (9) Mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental (Kementerian Pelajaran Malaysia 2006).

Lima teras utama dalam Misi Nasional Malaysia juga menggambarkan keprihatinan dalam aspek pembangunan modal insan iaitu meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi; meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama; menangani ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup; dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. Mantan Perdana Menteri Malaysia Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berucap mengenai modal insan ketika membentangkan Rancangan Malaysia ke-9 di Parlimen pada 31 Mac 2006 iaitu :

*“Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita ingin menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan dijatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama”*

### **Pengenalan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah**

Menurut Ahmad Shukri et.al (2003), Malaysia sebagai sebuah negara yang muda dengan umur median rakyat 23 tahun, perlu menyediakan sumber manusia yang mampu

mengambil alih tanggungjawab membina negara, mereka harus disemai dengan sifat-sifat kerajinan, ketekunan dan disiplin diri serta memupuk budaya kecemerlangan. Farquhar dalam Sufean Hussin (2004) menyatakan pandangan kualiti pengajian tinggi ke arah pembangunan negara menggambarkan institusi pengajian tinggi sebagai institusi yang berperanan penting dalam tiga fokus utama iaitu berperanan melahirkan sarjana dan ilmuwan, berperanan menjalankan penyelidikan bagi mencari kebenaran dan berperanan mewujudkan kepimpinan dalam memanfaatkan ilmu bagi pembangunan masyarakat. Aspek kepimpinan merupakan salah satu daripada elemen kemahiran insaniah yang penting untuk pembangunan diri pelajar.

Selaras dengan itu, penerapan kemahiran insaniah diterapkan dan dilaksanakan di seluruh institusi pengajian tinggi di Malaysia. Ia merupakan kesinambungan sistem pendidikan di peringkat sekolah yang telah menggubal penyepaduan kemahiran insaniah atau kemahiran generik dalam kurikulum pendidikan KBSM (Pusat Perkembangan Kurikulum 2001). Antara kemahiran insaniah yang digariskan adalah kemahiran berkomunikasi, menggunakan teknologi, merancang dan mengelola aktiviti, bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, menyelesaikan masalah, mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, menggunakan idea dan teknik matematik, memahami budaya dan kemahiran persediaan untuk kerjaya.

Menurut Sharifah Habsah (2006), Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) atau *Malaysian Qualification Framework* (MQF) menekankan lapan domain hasil pembelajaran yang dianggap penting di Malaysia iaitu: (i) pengetahuan ilmu bidang, (ii) kemahiran praktikal, (iii) kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial, (iv) etika, moral dan ke profesionalisme, (v) kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, (vi) kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik, (vii) pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan (viii) kemahiran mengurus dan keusahawanan. 8 domain ini telah dilaksanakan di semua peringkat pengajian terutamanya di peringkat pengajian tinggi untuk menjayakan hasrat melahirkan modal insan yang berkualiti.

Kemahiran insaniah yang dimaksudkan di sini meliputi bukan sahaja kecemerlangan daya intelek, akademiknya, kualiti kerja dan keterampilannya, bahkan ia turut mencakupi keseluruhan bentuk kemahiran yang melibatkan penggunaan sains, teknologi, keusahawanan, komunikasi, etika serta ke profesionalisme yang tinggi. Kemahiran insaniah dilancarkan berasaskan semangat Falsafah Pendidikan Negara dengan harapan membentuk keseimbangan pembangunan modal insan dalam sistem pendidikan negara. Selaras dengan itu, penentuan hasil pembelajaran dilaksanakan, taksonomi pembelajaran dan penilaian terhadap keseluruhan aktiviti pengajaran dan pembelajaran difokuskan agar pembentukan modal insan kelas pertama dapat dicapai merangkumi aspek Kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2006).

Menurut Sidek Baba (2007), kualiti modal insan bergantung pada kekuatan ilmu dan kecanggihan keterampilan yang dimiliki oleh seseorang. Masyarakat yang maju memberikan fokus yang tinggi terhadap pembangunan modal insan. Sistem pendidikan yang ditawarkan terutamanya di peringkat pengajian tinggi mampu menyediakan

keperluan dan melahirkan modal insan yang relevan dengan perkembangan sains dan teknologi. Ini sesuai dengan kefahaman Islam terhadap insan iaitu dalam konteks warga yang baik di mana utiliti manusia bukan sahaja dihubungkan dengan kekuatan pemikiran dan ilmunya tetapi termasuk juga kekuatan peribadi yang dimilikinya. Malaysia sebagai sebuah negara yang berhasrat menjadi sebuah negara maju tidak memandang hanya kepada bilangan atau kuantiti graduan dan lulusan yang dikeluarkan daripada sistem pendidikan negara sahaja tetapi juga meletakkan kepentingan kepada kualiti.

### **Etika dan Moral**

Menurut Kamus Dewan (1991), etika adalah dari perkataan ‘etik’ yang bermaksud prinsip moral atau nilai-nilai akhlak atau tingkah laku yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Ini selari dengan pandangan Syed Agil Barabah (2000), etika bermaksud ilmu berkenaan dengan prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan dan lain-lain). Menurut *Academic American Encyclopedia* (1982) pula, ia berasal dari perkataan etika (*etiquette*) dari perkataan Perancis bermaksud perbuatan atau tingkah laku yang boleh diterima untuk setiap keadaan yang boleh dicabar di mahkamah.

Solomon (1984) membawa konsep etika kepada dua perkara asas iaitu pertamanya perangai individu, termasuk apa yang dimaksudkan sebagai ‘seorang yang baik’ dan keduanya, peraturan sosial yang mengawal serta mengehadkan tingkah laku manusia terutama sekali tentang peraturan muktamad yang menjelaskan perkara baik dan buruk. Pendapat ini selari dengan pandangan Mike W. Martin (2001), yang menyatakan bahawa etika secara umumnya adalah falsafah moral, iaitu falsafah yang mengkaji hal yang berhubung dengan nilai moral. Beliau menambah empat makna lain bagi moral iaitu : (i) Kajian berhubung dengan nilai moral, (ii) Kajian saintifik berhubung dengan nilai moral’ (iii) Perkataan yang sinonim dengan moral dan (iv) Kepercayaan moral.

Moral menurut Nor’azzah (2002), merupakan idea umum yang diterima dan menjadi pegangan sesuatu masyarakat tentang buruk dan baik sesuatu tingkah laku manusia, sesuatu yang boleh dan tidak boleh dibuat dan seharusnya dibuat dan juga dorongan-dorongan yang membuat seseorang mengikut sesuatu arah yang betul ataupun salah. Berthen (2003) pula menyimpulkan moral dari sudut epistemologinya sama dengan etika walaupun asal perkataannya berbeza. Ia membawa maksud nilai dan norma yang menjadi pegangan seseorang atau satu kelompok dalam mengatur tingkah laku.

Marzelah Maksin (2007) menyatakan peranan etika sama pentingnya dengan cabang ilmu yang lain seperti falsafah dan pemikiran, memahami etika membantu individu membuat penilaian ke atas masalah yang dihadapi dalam sistem kehidupan, dalam proses pendidikan, pengurusan, perniagaan dan sebagainya. Peranan sains pemikiran dan etika dalam pembentukan paradigma pemikiran bersepadu di Malaysia telah diwujudkan melalui Rukun Negara, Wawasan 2020 dan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

### **Akhhlak**

Perkataan akhlak berasal daripada perkataan arab ‘*khuluq*’, boleh juga dibaca ‘*khulqun*’ atau ‘*khuluqun*’ bermaksud ‘*as-sajiyah*’ iaitu tabiat, perangai dan tingkah laku yang

menggambarkan jiwa atau batin manusia di mana perhitungan dosa dan pahala lebih banyak bergantung pada gambaran batin daripada gambaran zahir (Ibnu Manzur 1956). Menurut Muhammad Abu Bakar (1981), akhlak adalah pecahan daripada perkataan ‘*khalq*’ bererti ciptaan dan keindahan kejadian manusia dengan bentuknya yang zahir. Keadaan rohani yang sepatutnya terbentuk dengan sebaik-baiknya dipanggil ‘*khuluq*’ yang bermaksud adat, perangai, maruah dan agama.

Abdul Monir Yaakob dalam Abdul Monir et.al (2005), menjelaskan kepentingan etika dan moral termasuk juga akhlak dalam mengurangkan masalah kecurangan dalam kerjaya profesional. Usaha perlu dilakukan bagi memantapkan ketinggian akhlak dalam kerjaya profesional memerlukan beberapa langkah pertamanya, mewujudkan satu suasana pembelajaran yang bersih dari segala faktor yang merangsang keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah ataupun di peringkat pengajian tinggi, keduanya kegiatan kurikulum hendaklah seiring dan selaras dengan usaha serta matlamat untuk memupuk kerohanian, cinta kepada yang Maha Pencipta dan mananam komitmen yang kuat kepada nilai-nilai akhlak yang mulia. Ketiganya subjek etika profesional dari kaca mata Islam denganuraian konsep, falsafah, amalan bekerja serta langkah-langkah pengukuhan mengikut bidang perlu diserap di peringkat pengajian tinggi.

Naquib al-Attas dalam Wan Mohd Nor (2005) menyatakan bahawa, orang yang terpelajar adalah orang yang baik, beradab dalam pengertian yang menyeluruh meliputi kehidupan spiritual dan material, sentiasa berusaha menanam kualiti kebaikan yang diterimanya, orang yang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada tuhan, bersikap adil terhadap dirinya dan masyarakat serta sentiasa berusaha menjadi lebih baik. Nik Mustapha (2008) berpendapat, akhlak yang sempurna menjamin keadilan sosial, menghayati akhlak mulia dalam menjalani tugas dan kehidupan adalah penting dan perlu untuk membimbang setiap individu dalam urusan mereka, masyarakat dan negara. Islam mempunyai asas akhlak yang tersendiri bersumberkan semangat falsafah tauhid. Akhlak pula sistem perilaku yang ditentukan oleh Allah swt untuk manusia dalam menjalani kehidupannya.

Sumber akhlak Islam adalah al-Quran dan Hadis. Terdapat 1504 ayat di dalam al-Quran berbentuk metodologi yang komprehensif (menyeluruh) merangkumi contoh teladan yang baik, pendekatan penceritaan, pendekatan ganjaran dan dendaan.

### **Pemantapan Kemahiran Insaniah melalui Akidah**

Akidah berasal dari perkataan arab ‘*aqad*’ bererti simpulan atau ikatan yang memberi maksud perjanjian (Ibnu Manzur 1956). Islam merupakan agama yang terdiri daripada elemen akidah dan syariah. Akidah bermakna kepercayaan atau keimanan dan syariah pula merupakan amal perbuatan (akhlak). Keimanan akan disempurnakan dengan amalan, amal perbuatan adalah manifestasi daripada keimanan. Keduanya saling bergandingan dan disebut secara bergandingan di dalam al-Quran sebanyak 730 kali. Menurut Toriq Muiz (2001), iman dan amal (akhlak) di sebut bersama di dalam al-Quran sebanyak 730 kali.

Akidah merupakan perkara asas dalam kehidupan bagaikan batang kepada seohon pokok di mana semua dahan dan ranting memerlukannya untuk tumbuh dan berkembang. Firman Allah swt dalam surah Ibrahim ayat 24-25 yang bermaksud :

*“Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti sepohon pokok yang baik, akarnya teguh dan rantingnya (menjulang) ke langit, pohon itu memberikan buahnya supaya manusia sentiasa ingat”*. Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1983), akidah mampu menanam keimanan dalam hati manusia sehingga dapat menjadi pembenteng diri dari terperdaya mainan hidup di dunia dan membawa kepada penyelewengan terhadap agama.

Akidah dapat membentuk dan mengawal tindakan dan tingkah laku manusia bermula dengan pembentukan dirinya, keluarga dan kehidupan bermasyarakat. Menyedari hakikat bahawa manusia adalah hamba Allah swt dan khalifah di muka bumi ini. Apabila manusia sedar tanggungjawab yang perlu ditunaikan, manusia tidak akan terlibat melakukan perkara yang sia-sia, perkara yang tidak mendatangkan kebaikan dan dosa. Keimanan yang tersemat dalam dirinya akan memberikan hasil yang positif kerana sentiasa merasai kewujudan Allah swt yang Maha Mengetahui setiap perbuatan yang dilakukannya. Dengan ini, manusia tersebut akan melakukan perkara-perkara yang baik dan sepatutnya dilakukan sahaja serta beramal soleh selaras dengan nilai-nilai akhlak Islam.

Akidah menjadikan manusia berfikiran terbuka, berpandangan jauh dan optimis dalam kehidupan. Hakikat kehidupan di dunia dan di akhirat menjadikan manusia berpandangan jauh, berbuat amalan untuk kehidupan dunia dan akhirat secara seimbang, segala perbuatan dan tindakan yang dilakukan berdasarkan keyakinan terhadap prinsip-prinsip akidah yang betul serta menerima segala ketentuan dari Allah dengan redha. Akidah juga melahirkan masyarakat yang harmonis dan dapat hidup dengan aman, akidah mendorong supaya menghargai hak orang lain, hak setiap ahli keluarga, hak jiran, hak tetamu dan sebagainya. Akidah mendidik manusia saling hormat-menghormati, sayang menyayangi sesama makhluk (manusia dan bukan manusia).

Akidah dapat melahirkan manusia yang cintakan ilmu. Ilmu yang mencukupi dapat membawa manusia kepada banyak kebaikan dan mampu menghindarkan manusia daripada melakukan perkara-perkara membawa kepada keburukan. Kepentingan ilmu merupakan suruhan pertama yang ditekankan oleh Allah swt dalam surah al-Alaq. Ilmu akan melahirkan masyarakat yang bertamadun dan unggul dari segi rohani dan jasmani (Wan Mohd Nor Wan Daud (2003).

Jika dilihat dari sudut sejarah perkembangan Islam zaman Rasulullah saw, kaedah dakwah Rasulullah saw dimulakan dan difokuskan kepada aspek akidah, sepanjang rasulullah saw menyebarkan dakwah di Mekah sebelum peristiwa hijrah, kebanyakan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan oleh Allah swt adalah berunsurkan pemantapan akidah, selepas sahabat-sahabat Rasulullah saw telah kukuh dengan pengisian akidah, barulah wahyu-wahyu berikutnya diturunkan berbentuk ibadah, akhlak dan hal ehwal kehidupan. Dengan penerapan akidah yang mantap ini terhasillah tokoh-tokoh Islam yang hebat yang merupakan insan yang cemerlang seperti Ammar Bin Yasir, Bilal Bin Rabah, Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Khattab, Osman Bin Affan, Khatijah Binti Khwailid dan lain-lain lagi. Mereka telah melakukan transformasi dan reformasi hebat sehingga Islam mampu memimpin hampir tiga perempat keluasan dunia sekali gus mengubah iklim dunia dengan cahaya Islam.

Senario hari ini, hampir kesemua rakyat Malaysia telah mempelajari aspek akidah ini sama ada melalui pendidikan secara formal di sekolah dan juga secara tidak formal.

Tetapi apa yang berlaku seolah-olah ada masalah kepercayaan, kurang keyakinan, tidak ambil berat dan tidak mempraktikkannya di dalam kehidupan sehari-hari menyebabkan masalah keruntuhan akhlak berleluasa, seks bebas, pembuangan bayi, gengsterisme, ketagihan dadah, budaya lepak, berjudi, samun, rasuah, penderaan dan sebagainya. Sekiranya gejala ini tidak ditangani sewajarnya akan menggugat kesejahteraan dan pembangunan negara.

Rasulullah saw telah diutuskan di kalangan masyarakat Arab jahiliyyah yang dibelenggu budaya-budaya yang diwarisi nenek moyang mereka, tiada ilmu tentang akidah, akhlak, hukum hakam dan sebagainya, tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Agama anutan ketika itu antara agama Wathani iaitu pengabdian diri dan penyembahan berhala berbentuk patung ciptaan mereka sendiri seperti dinyatakan di dalam surah Ibrahim ayat 35-37, Animisme iaitu pemujaan alam dan benda-benda semula jadi selain daripada agama wahyu Kristian dan Yahudi. Dari sudut sosial, mereka hidup dalam keadaan tidak bermoral, berzina, berjudi, minum arak (lambang kelelakian), menilik nasib, membunuh, menindas wanita, mengamalkan riba, merompak, amalan perkauman, eksloitasi golongan kaya terhadap golongan miskin dan sebagainya. Kedatangan Rasulullah telah mengubah segala-galanya dan membawa rahmat ke bumi Mekah dan juga seluruh alam. Rasulullah berjaya mendidik masyarakat Arab menjadi masyarakat yang maju dan cemerlang menggunakan pendekatan mengutamakan penerapan akidah, disokong pengamalan syariat telah berjaya melahirkan masyarakat yang berakhlaq dan mempunyai nilai yang berkualiti tinggi.

### **Rasulullah Model Terbaik Modal Insan.**

Rasulullah saw adalah contoh dan model unggul umat Islam. Kredibiliti dan keterampilan baginda terserlah sebagai seorang bapa yang mulia, suami mithali (contoh), pemimpin yang adil dan rasul yang agung. Firman Allah swt dalam surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud : “*Sesungguhnya pada (diri) Rasulullah saw itu contoh paling baik untuk (menjadi ikutan) kamu*”.

Firman Allah swt dalam surah al-Ahzab ayat 33 yang bermaksud : “*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah*”. Berdasarkan ayat ini, akhlak adalah unsur penting dalam pembangunan diri manusia dan mencontohi akhlak Rasulullah adalah satu tuntutan yang perlu diikuti oleh semua manusia.

Menurut Mohd Salleh (2009), agama Islam menyuruh semua penganutnya untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu, keterampilan, berfikiran terbuka dan mengamalkan nilai-nilai positif di dalam kehidupan. Rasulullah saw sendiri adalah contoh insan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi. Baginda mempunyai kemahiran berkomunikasi, pemimpin yang baik kepada rakyat dan negara, berfikiran jauh, mempunyai perancangan yang strategik, menggalakkan perkongsian ilmu dan pembinaan tamadun Islam, menganjurkan sifat amanah, jujur dan berintegrasi, cekap berurus dengan sesiapa sahaja, menghormati orang lain dan melakukan setiap pekerjaan dengan cara yang terbaik sebagaimana firman Allah swt yang bermaksud : “*Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramal lah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang*

*Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan” (AT-Taubah ayat 105).*

Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam ke 10 (MAPPA X) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 28 April 2009 meminta supaya merenung sirah Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang agung, sangat prihatin, meletakkan keutamaan yang tinggi kepada kepentingan dan kebaikan masyarakat sehingga di saat-saat akhir riwayat baginda, kalimah yang diucapkan adalah ‘umat ku, umat ku, umat ku’ yang perlu diambil pengajaran, seorang pemimpin yang sangat mengasihi dan menyayangi seluruh umat. Firman Allah swt dalam surah al-Ahzab ayat 56 yang bermaksud : “*Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada nabi Muhammad, wahai orang-orang yang beriman, berselawat lah serta ucapan lah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya*”. Ini merupakan satu penghormatan yang hanya diberikan kepada hamba-Nya yang terpilih.

### **Konsep Islam Berkaitan Pembangunan Tamadun Manusia**

Firman Allah swt dalam surah an-Nahl ayat 97 yang bermaksud : “*Barang siapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan kami berikan kepadanya kehidupan yang baik. Dan sesungguhnya akan kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan*”. Menurut Abu Al-A’la Al-Maududi dalam M. Tariq Quraishi (1984), Islam menjelaskan tentang hubungan antara Allah dan manusia serta manusia dan manusia, Islam juga menerangkan kod moral, prinsip-prinsip budaya dan ketamadunan, cara beribadah dan menyediakan satu kerangka kepercayaan serta akhlak yang perlu untuk menguruskan kehidupan sebagai seorang Islam. Peraturan tersebut merangkumi hubungan sosial dan budaya, ekonomi, undang-undang dan politik, perperangan dan keamanan dan hubungan antarabangsa. Allah tidak meninggalkan manusia tanpa pedoman dan panduan tetapi mengutus Rasul-Nya berserta kitab al-Quran. Misi Rasulullah saw tidak berakhir dengan penyampaian pesanan daripada Allah swt tetapi disertai dengan panduan melalui penjelasan terhadap implikasi hukum Islam, kod moral, cara beribadah dan membina keseluruhan kehidupan.

Pembangunan Tamadun bermula dengan pembangunan manusia, pembangunan masyarakat dan pembangunan negara. Pembangunan manusia bermula dengan mengembangkan potensi manusia melalui pendidikan, pendidikan yang baik yang mampu membangunkan manusia secara seimbang dari aspek spiritual dan material, dalam konteks Malaysia melalui pendidikan potensi individu dikembangkan merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ibnu Khaldun (2002) dalam Ahmad Munawar (2009) berpendapat, membangunkan manusia yang sempurna bergantung pada sejauh mana keupayaan manusia mengeksplorasi pemikirannya untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Aktiviti berfikir berpunca dari kekuatan di tengah bahagian otak, kekuatan ini disokong dengan kemampuan manusia berinteraksi dengan alam menggunakan pancaindera seterusnya membentuk tiga tahap berfikir. Pertamanya, ‘*Al-‘aql at-Tamyizi*’ iaitu pemahaman intelektual terhadap alam semesta sehingga mampu mendapat manfaat bagi memenuhi atau menolak kepentingan dan keperluan biologinya. Keduanya, ‘*Al-‘aql at-Tajribi*’ iaitu pemahaman manusia tentang idea-idea

dan perilaku-perilaku tentang perhubungan dalam kepimpinan dan ketiganya ‘Al-‘aql an-Nazari’ iaitu kemampuan berfikir yang akan melengkapkan manusia dengan ilmu pengetahuan.

### Kesimpulan

Untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara maju bukan sahaja perlu berasaskan kedudukan dan keupayaan ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing, pengagihankekayaan yang saksama, penyertaan semua kumpulan masyarakat dan keseimbangan ekonomi. Pada masa yang sama, perlu memperkuuhkan minda, budaya, nilai dan institusi sosial, Malaysia perlu memiliki infrastruktur kelas pertama dengan minda warganya juga kelas pertama. Asas moral, etika dan akhlak perlu dimantapkan untuk cemerlang dan berprestasi tinggi. Pembangunan negara ke arah negara maju memerlukan proses pelaksanaan transformasi yang penuh integriti di samping terus melaksanakan peranan tradisinya menjaga keselamatan negara, menguatkuaskan undang-undang, menyediakan kemudahan kesihatan, pendidikan, kebajikan rakyat, mengawal selia perjalanan ekonomi dan sebagainya. Adalah penting memastikan semua aspek pembangunan selaras dengan apa yang disarankan oleh al-Quran dan as-Sunah supaya pembangunan yang dicapai membawa keharmonian dan kesejahteraan sama ada dari segi kebendaan dan kerohanian.

### Rujukan

- \_\_\_\_\_. 1982. *Academic American Encyclopedia*. Bil. 7. Danbury : Grolier Inc.
- Abdul Monir Yaakob. *Pertembungan akhlak dengan etika*. Dalam Abdul Monir & Norhanizah Ismail. 2005. Islam Hadhari : himpunan isu-isu kontemporari. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abu Al-A'la Al-Maududi. *Islamic Social System : Its dimensions and characteristics*, dalam M. Tariq Quraishi. 1984. Islam : A way of life and a movement. Indiana : Trust Publications.
- Ahmad Munawar Ismail. 2009. *Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia*. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Shukri Mohd. Nain & Rosman Md. Yusoff. 2003. *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Johor : Penerbitan UTM .
- Al-Quranul Karim.
- Berthen, K. 2003. *Etika dan moral untuk pengajian tinggi*. Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1983. *Al-Fawa'id*. Beirut : Dar an-Nafai.
- Ibnu Manzur. 1956. *Lisan al-Arab*. Jilid 14. Beirut : Dar Sadir.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2004. *Pelan strategik pengajian tinggi negara melangkau 2020*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Serdang : Penerbitan Universiti Putera Malaysia.

- Kolej Universiti Islam Malaysia. 2008. *Formula 7K Kemahiran insaniah*. Risalah edaran sempena pelancaran formula 7K 26 Mac 2008.
- Mike W. Martin. 2001. *Every morality : An introduction to applied ethics*. Canada : Thomson Learning.
- Mohd Salleh Abdul Latif. 2009. *Pelita Brunei*. <http://www.pelitabrunei.gov.bn/news/pelita/04okt09/cetusan/htm>
- Muhammad Abu Bakar Abd Qadir ar-Razi. 1981. *Mukhtar al-Sihah*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2008. *Akhlaq sempurna jamin keadilan sosial*. Berita Harian, 4 Mac h. 13.
- Nor'azzah Kamil. 2002. *Nilai dan etika dalam pengurusan Islam*. Kuala Lumpur : Tesis Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Kemahiran Generik*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sharifah Habsah Syed Hasan Shahabudin. 2006. *Kerangka Kelayakan Malaysia*. Lembaga Akreditasi Negara.
- Solomon, R. C. 1984. *Morality and the good life*. New York : Mc Graw Hill.
- Sufean Hussin. 2004. *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Agil Barakbah. 2000. *Etika hakim Mahkamah Sivil, keselarasan dengan Mahkamah Syariah*. Kertas kerja dalam buku Etika Hakim dan Peguan, suntingan Abdul Monir Yaacob. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Toriq Muiz Muhammad. 2001. *Hubungan hakikat diri dan dua kalimah syahadah*. Kuala Lumpur : Usnie Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2003. *Budaya ilmu satu penjelasan*. Edisi ke-2. Singapura : Pustaka Nasional PTE LTD
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan amalan pendidikan Islam Syed Mohd Naquib Al-Attas. Satu huraiyan konsep asli Islamisasi*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.